



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PERMOHONAN UPUONLINE® BAGI KEMASUKAN KE IPTA DAN MARA BPT SESI AKADEMIK 2025/2026

1. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kemasukan pelajar Sesi Akademik 2025/2026 ke program Asasi, Sijil, Diploma & Ijazah Sarjana Muda di 20 Universiti Awam (UA), 36 Politeknik, 106 Kolej Komuniti dan dua (2) institusi daripada MARA Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT) melalui UPUOnline® akan dibuka mulai **10 Februari 2025 hingga 14 Mac 2025** bagi permohonan **Fasa Pertama** dan pada **14 April 2025 hingga 18 Mei 2025** bagi permohonan **Fasa Kedua**.
2. Permohonan terbuka kepada pelajar Lulusan SPM dan STPM/Setaraf bagi semua program pengajian untuk **permohonan Fasa Pertama**, manakala hanya program pengajian yang tidak bertemu duga dan/atau ujian dibuka pada **permohonan Fasa Kedua**.
3. Pembelian Nombor Pin UPUOnline® boleh dibuat melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) di **350 Kaunter Cawangan BSN, 700 Automatic Teller Machine (ATM) BSN** dan **Perbankan Internet myBSN** mulai **9 Februari 2025** sebelum mengemukakan **permohonan**. BSN akan mengeluarkan Nombor Pin berserta salinan resit pembayaran. Pemohon juga diminta untuk memastikan slip pembayaran disimpan untuk rujukan sebagai bukti sah pembelian.

4. Semua calon yang berkelayakan dipelawa mengambil peluang ini bagi menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Terdapat sebanyak **350** program pengajian ditawarkan kepada Lulusan SPM dan **1,131** program pengajian ditawarkan kepada Lulusan STPM/Setaraf oleh UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan MARA BPT seluruh negara.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline® tersebut boleh dimajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

No. Tel: 03-8684 2363

E-mel: upu@mohe.gov.my

Facebook: KEMASUKAN BPKP JPT

Instagram: @KEMASUKANBKPA

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
7 FEBRUARI 2025**